

CABARAN "KIKI" SUKA-SUKA YANG MENJERAT




Foto: <https://www.youtube.com/>

Pada bulan Julai yang lalu, seluruh dunia terpukau seketika di laman sosial apabila demam "Kiki Challenge" atau ada yang mengejakan dengan "Keke Challenge" merebak dalam kalangan warga maya. Lebih dahsyat lagi ayunan tari berasal daripada lagu "In My Feelings" nyanyian Drake's dalam albumnya, *Scorpion*, yang dieksperimenkan oleh pelakon komedi, Shiggy, yang memuat naik di Instagram pada 29 Jun lalu menarik perhatian berjuta-juta warga maya dari seluruh ceruk dunia. Bukan ayunan tari yang biasa-biasa sebaliknya aksi keluar dari kereta kemudian menari di atas jalan raya sambil kereta bergerak, dan dibuat rakaman! Rakaman itu pula langsung disebarluaskan melalui platform media sosial. Aksi Shiggy ini mendapat jolokan "Shiggy Challenge". Namun begitu, yang lebih popular ialah "Kiki Challenge".

Aksi ini turut ditiru oleh selebriti terkenal dunia seperti Ciatra dan Russel Wilson, Kevin Hart, Odell Beckham Jr. Will Smith, malahan pelantun asal lagu ini, Drake turut beraksi sama!

Berdasarkan rekod Apple Music, lagu "In My Feelings" terus menjuarai carta dunia, malah mengatasi lagu "Nice For What" yang popular didengar secara dalam talian. Semenjak 4 Julai lalu, lebih 64 juta pendengar di seluruh dunia memuat naik lagu ini. Media Twitter merekodkan bahawa semenjak 29 Jun, lebih 2.3 juta capaian lagu ini dan para peminat mencapai secara maya lagu ini melalui tanda pagar #KikiChallenge dan #DoTheShiggy. Selain itu, nama penyanyi Drake dicapai lebih 7.5 juta kali semenjak albumnya dilancarkan. Baris lirik "Kiki do you love me?" umpama kata-kata keramat lagu "In My Feelings" yang sederhana mengayun tari menarik jutaan peminat di seluruh dunia.

Virus demam "Kiki Challenge" mendapat reaksi spontan sepantas capaiannya di laman sosial. Pemerintah seluruh dunia seperti di Emiriah Arab Bersatu atau UAE, pemerintah Mesir dan pemerintah Indonesia langsung mengharamkan "Kiki Challenge" ini yang nyata memudaratkan si pelaku, pemandu kereta dan mereka

Semangnya golongan muda tidak dapat dipisahkan daripada budaya popular yang menjadi tanda aras kehidupan dengan cita rasa terkini.

yang lain yang berada di atas jalan raya. Hal ini kerana, kereta yang dipandu tiba-tiba memperlambatkan kenderaan, penumpang yang berada di sebelah pemandu langsung turun, dan membuat aksi dengan korus "Kiki do you love me?" Lebih malang lagi apabila ada yang terlibat dengan kemalangan jalan raya dan ada yang sedang asyik menari terlanggar tiang! Pihak berkuasa mengambil pendekatan melarang tarian ini demi keselamatan si pelaku dan orang ramai.

Lain pula kisahnya di New Delhi, India, apabila dua petani muda di sebuah desa membuat aksi "Kiki Challenge" bersama-sama dua ekor lembu yang sedang memajak tanah sawah! Sekali pandang, amat kreatif! Video yang berdurasi 38 saat dimuat naik di laman sosial seperti Instagram, YouTube dan Facebook menarik jutaan tontonan!

Di Malaysia, reaksi segera masyarakat juga tidak terkecuali. Apatah lagi yang mengikut sama ayunan tari itu ialah golongan artis seperti Fatin Afeefa, Tauke Jambu, Siti Sarah, Haiza, Johan ERA, Irfan Haris, Hafiz Roshdi, Khai Bahar, Janna Nick dan Elite. Aksi mereka kemudiannya dimuat naik di laman sosial, khususnya di Instagram. Pelbagai kritikan dilontarkan kepada mereka.

Artis Adam Shah mengkritik ayunan tari mereka sebagai tidak bijak kerana meniru bulat-bulat yang datang dari Barat. Sebagai golongan artis yang menjadi ikutan peminat, khususnya golongan muda, Adam Shah menegaskan betapa pentingnya artis berfikir bijak sebelum bertindak. Senada dengan Adam Shah ialah PU Amin yang turut mengkritik artis yang memuat naik "Kiki Challenge" di laman sosial. Katanya, tindakan golongan artis menjahanamkan nilai moral yang sepatutnya dipertahankan.

Selepas negara dilanda demam "ravers" suatu ketika dahulu dan menjadi fobia dalam kalangan ibu bapa yang takut anak remaja terjebak sama, kini "Kiki Challenge" pula mencabar wibawa interaksi sosial masyarakat. Semangnya golongan muda tidak dapat dipisahkan daripada budaya popular yang menjadi tanda aras kehidupan dengan cita rasa terkini, namun, di manakah pula keampuhan jati diri mereka dalam memelihara nilai moral?

Di sebalik kecohnya penuliran "Kiki Challenge", sebenarnya banyak hal-hal terkait yang menarik untuk dibincangkan. Bukan sekadar ayunan tari yang dibuat dengan keluar dari kereta yang sedang bergerak kemudian dirakamkan dan disebarluaskan, sebaliknya elemen seperti teknologi media baharu, globalisasi, sikap keterbukaan, interaksi sosial gaya moden, dan mendepani kelangsungan generasi alpha merupakan cabaran kepada *status quo* budaya yang

mukupi pemikiran, tindakan dan pembedayaan.

Masyarakat kita masih berpegang utuh kepada slogan "Budi Bahasa Budaya Kita", malahan budayawan melihat budaya "seborono" yang datang dari barat memberikan ancaman yang serius kepada budaya tempatan yang dibentuk dan diwarisi sejak sekian lama. Pepatah, "hidup bersendikan adat, adat bersendikan agama" menjadi pedoman masyarakat kita sejak sekian lama. Sejarah mencatatkan bagaimana masyarakat kita tidak menerima bulat-bulat pengaruh yang datang dari luar. Sebagai masyarakat kelautan, kita terdedah dengan pengaruh Hindu dan Buddha pada zaman awal sejarah. Walaupun begitu, kita menghalusi pengaruh dari luar ini dengan mengadaptasikan pendekatan "yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan". Yang paling jelas ialah kedatangan Islam telah mempengaruhi secara total kehidupan masyarakat merangkumi hal pemikiran, interaksi ekonomi dan sosial, dan yang lebih penting ialah pengenalan undang-undang yang mengawal tingkah laku masyarakat sama ada dalam hal sivil mahupun dalam menjalankan kegiatan ekonomi.

Begitulah masyarakat kita dibentuk untuk mengawal nilai moral mereka dan diwarisi sehingga hari ini. Keutuhan institusi sosial bermula pada peringkat kampung, daerah dan negeri yang ditautkan dengan sistem pemerintahan beraja yang menunjukkan peranan simbiotik raja dan pemsaran mempertahankan nilai-nilai moral yang diwarisi.

Namun begitu, angit tidak selalunya cerah". Kedatangan dan penguasaan barat melalui kegiatan penajahan menggugat keutuhan institusi sosial ini. Dengan alasan bebanan "orang putih" kita terpaksa dan dipaksa .menerima slogan bahawa barat yang membawa pemodenan dan pembudayaan secara "minda tertawan" menyebabkan kita dengan sendirinya mengakis nilai moral yang dipertahankan sebelum ini. "Minda tertawan" boleh diibaratkan seperti "duri dalam daging" yang memporak-perandakan institusi sosial yang sedia mantap sebelum ini. Inilah hakikatnya cabaran kepada pembudayaan tempatan yang kemudiannya selepas merdeka disebutkan sebagai "pembudayaan kebangsaan" yang belum lagi mencapai titik temunya.

Pada zaman selepas negara mencapai kemerdekaan, iaitu 61 tahun dahulu, ruang lingkup pemasaran budaya amatlah terhad sementelah kekangan teknologi yang ada pada masa itu. Apa-apa yang ada hanya surat khabar, radio dan televisyen. Inilah tiga medium yang digunakan secara optimum untuk memasarkan budaya. Lebih awal daripada itu, masyarakat kita hanya ada pentas bangsawan dan pentas penglipurlara yang memasarkan budaya. Pada tahun 1960-an, kerajaan melancarkan program televisyen pacak di kawasan lapang khasnya di kawasan luar bandar untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat. Itu juga merupakan medium pemasaran budaya yang ada.

Pertumbuhan ekonomi pula amat perlahan, maka penembusan kepada hal-hal yang berlaku di luar negara juga

amat terhad. Proses indoktrin oleh pemerintah amat berjaya disebabkan ketiadaan pengaruh dari luar. Namun begitu, kemajuan sistem pendidikan telah melahirkan golongan cerdik pandai dalam pelbagai bidang seperti teknokrat dan pelabur yang kemudiannya memesatkan pertumbuhan ekonomi. Natijahnya kepada pemasaran budaya pula ialah kita semakin mula menerima pengaruh dari luar melalui saluran televisyen berwarna, radio yang tidak lagi bersiaran dengan frekuensi AM, sebaliknya FM yang meluas di seluruh negara. Pada tahun 1990-an, teknologi komputer mula berkembang di negara kita. Perkembangan ini merancakkan lagi pemasaran budaya ini sama ada yang kita pasarkan ke luar negara mahupun yang kita menerima pasaran dari luar negara.

Pada masa inilah pengaruh rock dan rap mula menular di negara kita. Kumpulan Scorpion dengan lagunya "Still Loving You" menjadi siulan anak-anak muda sama ada di bandar mahupun di ceruk kampung. Pengaruh rambut panjang menjadi ikutan anak-anak muda. Budaya tempatan yang ampuh sebelum ini mulai terasa cabarannya. Pihak pemerintah mengambil tindakan dengan melarang para artis berambut panjang daripada membuat persembahan di kaca televisyen. Artis harus didisiplinkan persis mereka sebagai teladan pembinaan keterampilan diri kepada anak-anak muda.

Selain itu, anak-anak muda terdedah kepada kumpulan muzik rap seperti New

Kids On The Block (NKOTB). Masyarakat pada masa itu terlalu janggal dengan muzik rap yang sememangnya berlawanan dengan kemerdekaan lagu-lagu asli, muzik zapin dan inang. Namun begitu, bagi anak muda, mereka mahukan kelainan dan mungkin ada yang sudah bosan dengan *status quo*. Dinamiknya masyarakat menerima pengaruh budaya luar ini. Media berperanan mencetuskan polemik. Lantas, wujudlah dialog dan forum yang membincangkan tentang natijah pengaruh dari barat ini. Hal ini merupakan sebahagian daripada rana pembinaan sebuah negara bangsa. Kita tidak menolak kemajuan teknologi yang menjadi platform pemasaran budaya. Apatah lagi dengan jumlah penduduk pada masa itu dalam lingkungan 20 juta orang, kita bukanlah bangsa pencipta, sebaliknya kita banyak menerima daripada luar.

Melewat abad ke-21, kita semakin terdedah dengan budaya luar melalui teknologi media baharu. Penggunaan telefon pintar dengan capaian Internet yang pantas dan penembusan jalur lebar sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar, merancakkan transmisi budaya luar ini. Pemerintah pula tidak seperti tahun 1970-an yang bersifat mengawal, sebaliknya kemajuan sistem pendidikan dilihat sebagai platform yang dapat digunakan dalam mengawal tingkah laku masyarakat. Kita bebas menerima pengaruh luar ini termasuklah "Kiki challenge" yang dibincangkan kerana dirangsang oleh kemajuan teknologi. Pelbagai aplikasi mudah alih dapat digunakan



peremuan di b... Maya, majlis kenduri kahwin di rumah yang meriah dengan gotong-royong dan pulang ke kampung semasa cuti perayaan. Hal ini disebabkan pemandaran menyebabkan interaksi sosial masyarakat secara bersempena semakin terhad dan terdapat kekangan. Ahli masyarakat lebih gemar berinteraksi secara maya melalui aplikasi mudah alih. Media sosial kini menjadi pilihan yang optimum sebagai wadah berinteraksi. Lihat sahaja apabila demam "Kiki Challenge" melanda, cipapan di Tweet, respons di Instagram dan Facebook menunjukkan masyarakat semakin bijak memilih wadah komunikasi mereka. Tidak dengan cara yang lama, sebaliknya cara yang pantas, murah dan mudah di hujung jari menjadi pilihan. Kewujudan kedai kopi maya dengan pantas dan melibatkan keahlian dari seluruh ceruk rantau dunia. Ini merupakan budaya interaksi generasi pada masa ini.

Bagaimanakah "Kiki Challenge" memberikan petanda awal kepada masyarakat untuk mengurus kelangungan generasi alpha pada masa hadapan? "Kiki Challenge" yang hadir dengan bantuan teknologi moden di hadapan kita memberikan justifikasi awal tentang inilah bentuk hiburan hujung minggu mereka. Perkampungan sejagat dan keterbukaan memungkinan mereka menerima pengaruh dari luar dengan mudah. Lebih mudah lagi jika asas pembinaan jati diri rapuh. Generasi alpha dikatakan generasi kritis pada awal usia lantaran sistem pendidikan mereka mementingkan Kemahiran

Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pensejagatan pendidikan menyebabkan kita tiada pilihan bagi mengelakkan pelaburan "mundur".

Dari sudut lain "Kiki Challenge" membuka minda tentang betapa besarnya pengaruh hiburan seperti filem, drama muzik dan tarian dari luar dalam kehidupan generasi pada masa ini. Lihat sahaja pengaruh Hallyu (pengaruh hiburan dari Korea). Sistem hiburan merupakan sebahagian daripada sistem media yang terangkum dalam sistem sosial. Sistem media (dalam hal ini teknologi media baharu) dan sistem-sistem sosial yang lain bersifat simbiotik. Satu sistem yang tersusun boleh meletakkan muzik bukan sahaja sebagai sebuah industri yang boleh menyokong ekonomi negara, tetapi sebagai medium efektif dalam penyaluran mesej yang boleh membantu pembangunan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya industri ini lemah, kedua-dua fungsi muzik sebagai satu produk ekonomi dan sebagai wahana pembangunan sosial tidak dapat diwujudkan, sedangkan muzik sebagai unsur seni dan budaya sangat mudah untuk mendekati masyarakat khususnya kelompok remaja. Hal ini sangat terserlah dalam strategi Hallyu demi menakluki dunia. Hiburan telah dianggap sebagai sebahagian daripada sistem sosial dan membantu mereka mengeksport bukan sahaja muzik, malahan bahasa dan budaya sekali.

Oleh hal yang demikian, "Kiki Challenge" memberikan dimensi serampang dua mata. Kini, kita bukan hanya mahu menerima apa-apa sahaja bentuk hiburan

Sejarah membuktikan bahawa kita tidak boleh menolak pengaruh yang datang dari luar sementelah kita ini masyarakat kelautan sejak sekian lama.

dari luar, tetapi kita mencipta dengan pakej pemasaran budaya kita pula ke luar. Banyak lagi unsur kearifan tempatan yang boleh dimanipulasikan dan dieksperimentasikan secara kreatif untuk dipasarkan. Keberanian mencipta dan memasarkan merupakan dua unsur paling penting dalam hal ini. Inilah yang perlu digarapkan dalam pembentukan jiwa dan minda generasi alpha pada masa ini supaya penyejagatan melalui teknologi media baharu dapat ditanggapi dengan bijak dan tuntas. Terbaharu, sentuhan kreatif filem *Pulang* dan *Munafik 2* membuktikan keupayaan warga Malaysia menghasilkan filem yang terbaik senada di pentas antarabangsa.

Ternyata, sikap keterbukaan kita sekiranya tidak terurus dengan baik akan memudaratkan, sebaliknya sudut pandang yang luas yang disulami dengan kreativiti akan menghasilkan sesuatu yang memberikan kemaslahatan. Sejarah membuktikan bahawa kita tidak boleh menolak pengaruh yang datang dari luar sementelah kita ini masyarakat kelautan sejak sekian lama. Namun begitu, dalam kita bersuka-suka lantaran pantasnya perkembangan teknologi media baharu tidak seharusnya menjerat kita. Walaupun terjerat, kita harus memikirkan secara kreatif untuk membuka ikatan jerat tersebut.